

05/01/2001

Kunjungan PM penting bagi Myanmar

LAWATAN kerja seminggu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke Myanmar sempena Hari Kebangsaan Ke-53 negara itu semalam adalah satu lagi penghormatan kepada pemimpin negara. Selaku pemimpin dunia ketiga, kunjungan Dr Mahathir dilihat amat penting bagi membuka peluang mencari jalan penyelesaian terhadap masalah politik di Myanmar. Malah, berlawanan dengan kecaman antarabangsa terhadap Myanmar kerana layanannya ke atas ketua parti pembangkang Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD), Aung San Suu Kyi, yang dikenakan tahanan rumah sejak September lalu, Malaysia kekal dengan pendirian agar kerajaan tentera negara itu diberi peluang mencari jalan penyelesaian terhadap masalah politiknya tanpa campur tangan luar.

Myanmar adalah rakan dagang yang penting buat Malaysia yang mempunyai nilai eksport RM890 juta ke negara itu pada 1999. Import dari Myanmar pada tahun berkenaan berjumlah RM220 juta. Malah, Malaysia jugalah yang menaja kemasukan Myanmar selaku anggota Asean pada 1997. Seiring dengan itu, Dr Mahathir dilihat sebagai rakan akrab yang berupaya membuka jalan kepada dialog antara pemimpin junta dengan NLD selain menggalakkan pemulihan ekonomi. Myanmar harus berubah serta membuka pintunya kepada dunia luar agar mampu terus ke hadapan dengan negara lain pada abad ke-21 ini. Myanmar yang lebih berdaya maju juga amat penting kepada kekukuhan Asean dan kestabilan di rantau ini amnya.

(END)